"Kini tinggal kira-kira 30 tan durian atau kira-kira 15,000 biji untuk dihabiskan," katanya kepada ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, para pelanggan tidak putus-putus mengunjungi kedainya yang dibuka setiap hari mulai pukul 11 pagi hingga 12 tengah malam.

Ketika ditanya mengapa kedai beliau menjual durian pada harga paling murah di pasaran, Syed Sahidan memberitahu, beliau ingin berkongsi rezeki dengan orang ramai ketika raja buah itu kini dijual semakin mahal.

Beliau memberitahu, harga jualan sebanyak RM9.90 hanya cukup untuk mendapatkan semua modal mengimport durian dan membayar gaji seramai 20 orang pekerja.

"Saya sebenarnya puas dan suka melihat orang ramai dapat makan durian terutama dalam kalangan berpendapatan rendah," ujarnya.

Jelasnya, tindakannya menjual durian pada harga murah didorong oleh pengalamannya sendiri ketika berusia 10 tahun semasa ayahnya membeli durian untuk keluarga mereka.

"Ayah beli lima biji durian. Malangnya semua buah itu tidak boleh dimakan kerana berulat dan sudah busuk.

"Kenangan pahit itu membangkitkan kesedaran saya untuk menjual buah-buahan dengan cara yang bertanggungjawab," katanya.



SYED Sahidan Syed Zainol Abidin menunjukkan isi buah durian tembaga yang dijual di kedainya di Kampung Sentosa dekat Paroi, di Seremban. - UTUSAN/NAZARUDIN SHAHARI

Peniaga Pasar Payung patuh larangan jual telur penyu

KUALA TERENGGANU: Hari pertama penguatkuasaan larangan penjualan semua jenis telur penyu termasuk tunting laut menyaksikan peniaga Pasar Payung 2 di sini mematuhi arahan tersebut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar pelancongan terkemuka itu mendapati kesemua 10 peniaga sudah menghabiskan

kan bekalan telur penyu bagi mengelak dikenakan tindakan tegas.

Seorang peniaga, Rakhiah Abdullah, 61, berkata, lebih 20 biji telur penyu laris semalam selepas dijual separuh harga kepada pelanggan.

Katanya, harga bagi sebiji telur penyu sebelum ini ialah antara RM5 hingga RM8.

"Telur penyu merupakan antara tarikan utama pelancongan ke Pasar Payung 2 selain untuk membeli keropok ikan, produk kraf dan batik.

"Sepanjang 20 tahun menjual telur penyu, permintaan cukup tinggi dan sedikit sebanyak saya sedih tidak dapat meneruskan rutin itu tetapi saya akur dengan keputusan

kerajaan negeri," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Pegawai Unit Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan negeri, Hairul Effendy Adzmi berkata, aktiviti penjualan telur penyu akan terus dipantau termasuk melalui platform dalam talian.

Katanya, Jabatan Perikanan negeri tidak akan berkompromi

dengan mana-mana peniaga atau individu yang didapati bersalah memiliki atau menjual telur penyu mengikut Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2021).

"Kami juga akan meletakkan anggota berpakaian biasa di lokasi dikenal pasti termasuk di kedai-kedai makan bagi memantau aktiviti penjualan telur penyu," katanya.

Kedah komited laksana tanam padi 5 kali dua tahun.

Pokok Sena: Kerajaan negeri komited untuk melaksanakan penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun, selepas berbincang dengan beberapa usahawan.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata usaha itu dijangka turut membabitkan tanaman di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Kita perlu susun semula tanaman. Kalau tidak boleh dibuat dalam kawasan MADA, ki-

ta usahakan di luar MADA lima kali dua tahun.

"Ada usahawan yang berniat hendak menceburkan diri dalam bidang ini. Mungkin perlukan sedikit kos untuk permulaan ini. Infrastruktur parit (di luar MADA) kena tambah banyak lagi. Perbincangan kita sudah capai 40 peratus untuk dijayakan lima kali dalam tempoh dua tahun," katanya, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, Malaysia mungkin tidak

perlu mengimport beras jika mampu memperkemas infrastruktur dan subsidi dalam industri penanaman padi negara.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata, pihaknya sangat mengharapkan bantuan kerajaan Persekutuan untuk menambah subsidi seperti baja, racun, benih dan harga padi, sekiranya hasrat menanam padi lima kali dalam tempoh dua tahun dapat direalisasikan kelak.



Muhammad Sanusi (kiri) ketika menyerahkan bantuan wang ihsan kepada mangsa banjir dari daerah Pokok Sena, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)



Kamaruddin Mohd Nor dan Nik Roslan Idris memotong kek sambil diperhatikan Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

KADA bina pam air ketiga di Kemubu

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan membina sebuah lagi pam air di Kemubu sebagai persiapan menghadapi musim kemarau.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, pam Kemubu 3 itu bagi memastikan bekalan air ke sawah dapat dialirkan ketika musim kemarau bagi mengelakkan tanaman padi terjejas.

Selain itu katanya pam sedia ada di Rumah Pam Kemubu, Lemal, Mekasar tidak dapat beroperasi lancar apabila musim kemarau memandangkan paras Sungai Kelantan cetek.

"Pembinaan pam itu mendapat peruntukan sebanyak RM34 juta daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dijangka akan dibina hujung tahun ini dan siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun," katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya Aidilfitri KADA di sini Isnin lepas.

Hadir sama anggota Exco kerajaan negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Pengerusi KADA, Dato' Kamaruddin Mohd Nor.

Nik Roslan juga berkata, KADA turut menyediakan pam-pam bergerak bagi membantu pesawah memandangkan rumah pam tidak dapat beroperasi ketika air sungai cetek.

"Di samping itu kita juga membekalkan diesel kepada petani sekiranya mereka menggunakan pam sendiri. Kita turut menyediakan pam yang mampu membekalkan air ke sawah membabitkan kawasan seluas lima ekar.

"Sekiranya kemarau berpanjangan kita juga akan guna telaga tiub di seluruh kawasan KADA," katanya.

Antara kawasan sawah yang sering terjejas di musim kemarau iaitu Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Bachok dan Pasir Puteh yang membabitkan lebih 2,000 pesawah.

Probe into 'chicken cartel' in final stage

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) is in the final stages of an investigation into the alleged existence of a cartel controlling the price and production of chickens in the country.

Domestic Trade and Consumer Affairs deputy minister Datuk Rosol Wahid said several breeders and chicken integrators were also called to assist in the probe.

"A full report is expected to be tabled this month on whether it is true or otherwise," Bernama reported him saying.

He said this after appearing as a guest in Bernama Radio's "Jendela Fikir" programme yesterday where he talked about India's ban on the export of wheat flour and if it affected the supply in Malaysia (*Larangan Eksport Tepung Gandum India Jejas Bekalan Tempatan?*).

MyCC had set up a special team in early February to investigate allegations of anti-competitive conduct, including anti-competitive agreements and/or abuse of dominant position in the market that could cause an increase in the price of goods.

Meanwhile, Rosol said the decision on the extension of the subsidy for poultry farmers scheduled to end this Sunday would be finalised by the Cabinet.

"We have some suggestions related to the matter, and the meeting today (yesterday) will decide whether to stop or continue, but with a slight improvement.

"Maybe the Cabinet has other proposals, so the decision depends on the Cabinet," he said.

PM: Subsidi penternak ayam gagal kekang kenaikan harga

Bantuan terus B40

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR dan AZMI NORDIN
 utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memberikan bantuan kewangan langsung kepada golongan B40 dan menghentikan subsidi kepada penternak ayam dalam usaha membantu rakyat terkesan paling teruk dengan

kenaikan harga. Sebelum ini kerajaan mempercuntukkan RM720 juta kepada penternak ayam bagi memastikan harga ternakan itu kekal rendah dan mampu dibeli sebahagian besar rakyat. Bagaimanapun subsidi itu gagal mengesang kenaikan harga barang makanan yang paling popular di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mulai 1 Julai kerajaan akan menghentikan pemberian subsidi kepada penternak ayam, sebaliknya menyatukan wang berkenaan kepada golongan B40. "Apabila kerajaan tidak apung harga ayam, mungkin ketika ini naik RM12 sekilogram. Bagi memastikan tidak naik kita beri

subsidi agar harga terus kekal RM8.90. "Bagaimanapun ramai pen-temak tidak menuntut bayaran subsidi dan pelbagai isu dibangkitkan. Jadi bermula 1 Julai wang yang beri kepada pen-temak akan dibenarkan terus kepa-da rakyat membolehkan.

Bersambung di muka 2

Komplot naikkan 40% harga dedak

Oleh FAHMI FAIZ
 fahmi.faz@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Isu kartel ayam kembali hangat apabila sekumpulan syarikat gergasi industri ayam yang turut terlibat dalam membekalkan dedak, didakwa berpakat untuk menaikkan harga makanan ayam itu secara drastik.

Sumber dalam industri mendedahkan, pihaknya difahaman terdapat empat syarikat gergasi industri ayam setakat ini didakwa berpakat menaikkan harga dedak yang dijual kepada penternak kon-duk kepada RM180 bagi satu beg seberat 50 kilogram (kg) yang disasarkan September ini.

Kata sumber, setakat kel- marin (31 Mei) harga dedak satu beg 50kg yang dibayar pi- haknya adalah RM124 sehing- ga RM130.

Ini bermaksud, jika kons- piraasi ini berjaya, maka kata sumber, penternak kontrak akan mengalami kenaikan har- ga dedak sebanyak 40 peratus.

"Alasan mereka menaik- kan harga dedak sebab harga jagung bijian di pasaran ter- jejas akibat konflik Russia- Ukraine.

"Sejak bila Malaysia import jagung dari Ukraine? Sedang- kan pengeksport urama ja- gung bijian ke Malaysia ialah Argentina, Brazil dan Amerika Syarikat (AS). Jika ada pening- katan sekampung, tak akan be- gtu drastik sehingga mahu naikkan harga dedak 50kg se- banyak 40 peratus," katanya di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2



SUBSIDI kepada penternak dihapuskan mulai Julai ini kerana ia gagal membendung kenaikan harga ayam di pasaran. - GAMBAR HIASAN.

Bantuan terus B40

Dari muka 1

“Tujuan ini bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan barangan dan tidak terlalu dirasai melalui sumbangan tunai ini,” katanya pada Majlis Ulang Tahun Sambutan Barisan Nasional (BN) Ke-48 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengumumkan secara terperinci keputusan terbaru itu.

Ismail Sabri berkata kerajaan telah mengambil pelbagai langkah drastik dengan membatalkan kelulusan kuota import (AP) beberapa makanan dalam usaha bagi memastikan bekalan dan harga kekal stabil dan menangani kegiatan manipulasi harga oleh orang

tenang.

“Kerajaan akan memperkenalkan kembali Jihad Memerangi Orang Tengah yang telah saya laksanakan sewaktu menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2014,” katanya sambil menambah, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan dipertanggungjawabkan untuk menentuai jihad ini.

Beliau berkata, tabung agromakanan negara sebanyak RM500 juta dalam bentuk pinjaman mudah selain mengenal pasti pertubuhan peladang dan koperasi yang harus dibantu dari segi kewangan.

Kerajaan juga tegas Ismail Sabri, akan mewujudkan stok penimbal bagi ayam, daging dan ikan.

“Kerajaan juga menyekat eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor ayam sebulan kerana yang penting adalah rakyat kita,”

katanya.

Sejak bulan lalu, kerajaan menghapuskan permit import pelbagai makanan termasuk gandum, menggalakkan aktiviti pertanian tempatan, mengambil tindakan di bawah undang-undang bekalan, melarang eksport ayam dan memberi subsidi langsung kepada penternak dalam menangani krisis harga makanan dan bekalan.

Pengguna sebelum ini merungut mengenai kenaikan harga ayam yang naik mendadak sejak sebelum Ramadan.

Beberapa pihak mendakwa kenaikan itu dilakukan kartel yang mahu mengaut keuntungan.

Bagaimanapun, penternak menafikan dakwaan itu, sebaliknya memberi alasan kenaikan harga dedak dan makanan ayam sebagai punca kenaikan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Komplot menaikkan 40% harga dedak

Dari muka 1

Menjelaskan lanjut, sumber berkata, penternak bakal menjadi mangsa perancangan licik itu kerana mereka yang akan menanggung kos kenaikan dan bukannya kartel.

"Untuk makluman, yang serap kos kenaikan jagung bijian ini bukan kartel, sebaliknya penternak. Cuba semak penyertaan integrator, bukannya penternak yang disuruh bayar kos dedak, kos anak ayam dan vitamin

semuanya?" soal sumber.

Sumber mendakwa, agenda konspirasi itu untuk membanteras kumpulan penternak kecil-kecilan bagi membolehkan syarikat-syarikat gergasi menguasai seluruh rantaian industri.

"Kartel ada modal, jadi bila kumpulan penternak kontrak yang kecil-kecil ini dihapuskan, maka mereka boleh gunakan modal sendiri untuk membanteras broiler sendiri. Dengan itu, berkuasalah mereka ke atas seluruh rantaian industri," kata

sumber.

Dalam perkembangan berasingan, sumber berkata, berhubung isu penternak merungut harga siling ayam di pasaran terialu rendah iaitu RM8.90, rungutan itu sebenarnya bukan datang daripada penternak sebaliknya itu desakan pihak kartel.

"Sejak bila penternak ada masa ambil pusing soal harga siling ayam di pasaran? Penternak kontrak cuma bela ayam 30 ke 35 hari, itu sahaja. Selepas itu, kartel akan datang ambil semula ayam.

"Kartellah yang akan bawa ayam tersebut ke rumah sembelihan, dari situ kartel yang akan memasarkan ayam ke pasaran runcit secara terbuka. Jadi, siapa yang bersungut sebenarnya? Penternak kontrak? Itu bukan urusan mereka," kata sumber.

Justeru, sumber mendesak kerajaan segera menubuhkan lembaga khas bagi mengawal selia industri ayam dan unggas, demi memastikan isu berkaitan industri ini tidak lagi berterusan tenggelam timbul.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/6/2022	BERITA HARIAN	BISNES	35

Kenaikan inflasi berpunca harga makanan, minyak

Sebanyak 184 item makanan daripada keseluruhan 552 item dalam 'baku' IHP mencatatkan kenaikan sehingga mendorong kadar inflasi di negara ini meningkat pada tahun lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata inflasi Malaysia yang diukur menerusi Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 2.5 peratus pada 2021, didorong kenaikan harga makanan dan bahan api.

"Peningkatan inflasi itu juga tertinggi dibandingkan 0.7 peratus yang direkodkan semasa prapandemik iaitu pada 2019,"

katanya dalam satu kenyataan laporan Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan 2021 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Laporan itu merangkumi analisis terperinci terhadap data inflasi bagi siri masa 2010 hingga 2021 mengikut 12 kumpulan utama barang dan perkhidmatan.

Mohd Uzir berkata, COVID-19 memberi kesan kepada ketidupan seharian masyarakat, namun usaha kerajaan melaksanakannya membantu vaksin percuma dan perniagaan, seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna

untuk keluar berbelanja.

Selain itu, katanya kebenaran rentas negeri dan semua sektor ekonomi telah dibuka semula 11 Oktober 2021.

"Ini menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara, terutama dalam sektor pengedaran dan peruncitan.

"Secara keseluruhannya, kenaikan inflasi 2.5 peratus disumbangkan oleh indeks pengangkutan (1.1 peratus), makanan dan minuman (1.7 peratus), biasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.6 peratus) serta perumahan, air elektrik, gas dan bahan api lain (1.5 peratus) yang

menyumbang 72 peratus keseluruhan wajaran IHP," katanya.

Beliau menjelaskan, 80 peratus komponen makanan dalam kumpulan makanan dan minuman mencatatkan peningkatan.

Katanya, pada 2021, semua subkumpulan bagi makanan dan minuman yang mempunyai sumbangan terbesar dalam bakul IHP, mencatatkan peningkatan antara 0.3 hingga 3.3 peratus.

"Subkumpulan minyak dan lemak adalah pernyumbang utama kepada peningkatan kumpulan ini dengan kenaikan 3.3 peratus.

"Ini diikuti oleh daging (3.2 peratus), ikan dan makanan laut

(3.1 peratus), susu, keju dan telur (2.3 peratus), keluaran makanan tidak terkelas di tempat lain (2.3 peratus) serta sayur-sayuran (2.1 peratus)," katanya.

Mohd Uzir berkata, peningkatan harga komoditi global memberi kesan kepada inflasi makanan.

Katanya, peningkatan harga ayam melebihi purata pada 2020 adalah impak daripada kenaikan harga stok makanan haiwan.

"Di samping itu, peningkatan inflasi makanan pada 2021 turut dipengaruhi peningkatan harga makanan global kebanyakannya adalah input utama produk makanan tempatan," katanya.



Tasik Bukit Merah yang menjadi lokasi ternakan ikan air tawar semakin surut.

Pembenihan awan atasi paras air di Tasik Bukit Merah

IPOH: Kerajaan negeri akan membuat permohonan pembenihan awan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mengatasi paras air di Tasik Bukit Merah semakin surut.

Exco Perladangan, Pertanian Dan Industri Makanan Razman Zakaria berkata, beliau memaklumkan perkara itu kepada pada mesyuarat kerajaan negeri dua minggu lalu.

"Apabila ada pembenihan awan maka ia dijangka dapat membekalkan air hujan di lokasi berkenaan," katanya pada catatan di laman sosialnya.

Manakala pada perkembangan sama di TAIPING Menteri Besar Dato' Seri Saarani Mohamad berkata, kerajaan negeri meneri-

ma laporan daripada Exco Perladangan mengenai masalah penyusutan paras air di Tasik Bukit Merah.

Katanya juga kerajaan Perak mengkaji kos pembinaan terowong air dari Sungai Perak ke Bukit Merah di Bagan Serai bagi mengatasi masalah tersebut bagi tempoh jangka panjang.

Bagaimanapun katanya pembinaan terowong masih dalam peringkat kajian.

"Petani harus memastikan tidak berlaku pembaziran terhadap penggunaan air disebabkan sumbernya agak terhad sekarang," katanya pada Program Menteri Besar Bersama Rakyat Daerah Larut, Matang dan Selama di Dewan Bunga Raya, Changkat Jering baru-baru ini.

Perangi kartel padi habis-habisan

Oleh SARINA ISMAIL

PERSOALAN sama ada wujudkah kartel padi di Kedah masih belum terungkai.

Walaupun kata Exco Pertanian dan Industri Makanan, Azman Nasrudin, kartel padi telah wujud sejak dahulu namun apakah ia wajar dibiarkan dan akhirnya petani menjadi mangsa.

Kedah sebuah negeri pertanian dan menaja di pembekal 40 peratus beras untuk keperluan negara. Apatah lagi saat dikatakan Malaysia bakal menghadapi krisis makanan, Kedah wajar

meningkatkan hasil padinya untuk menampung dan meningkatkan keperluan sedia ada.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor

dalam sidang mediana minggu lalu menzahirkan rasa tidak puas hati ekoran pengeluaran padi di negeri Kedah hanya mampu setakat enam tan sehektar sejak sekian

lama.

"Jadi apakah faktor yang menyebabkan Kedah hanya mampu mengeluarkan enam tan sehektar sedangkan proses serta melalui sumbu yang sama?"

"Adakah ada pihak yang 'merosakkan alat penimbang' memanjangkan pengeluaran padi sehingga kini hanya enam tan sehektar sedangkan prosesnya mengambil masa yang panjang di samping subsidi baja dan racun semakain bertambah," demikian persoalan yang dilontarkan yang masih belum terjawab.

Persoalan itu mengambuil kira keupayaan Selangor menghasilkan pengeluaran padi sebanyak 12 tan sehektar. Selain kejayaan Lembaga Hasil Zakat Negeri Kedah (LZNK) menuai hasil padi pertamanya sebanyak 7.8 tan satu hektar yang diusahakan sendiri.

Sekiranya wujud kartel padi, ia perlu dibentaras dan diperangi habis-habiskan. Ia bukan sahaja membantutkan pengeluaran padi ekoran sikap 'tidak kejujuran' pihak tertentu malah nasib petani juga tetap ditakuk lama.

"Saya hendak semua orang jujur dengan hal ini kerana penting untuk negara. Jangan kerana nak cari

kekayaan, nasib ditentukan begitu.

"Saya akan perangi hal ini habis-habiskan sekiranya ia memang ada. Oleh itu kalau ada jangan bagi saya jumpa. Kalau jumpa kita akan perang," tekadnya bersungguh-sungguh untuk menaigani masalah ini.

Sanusi juga katanya tidak teragak-agak untuk menjadikan sistem yang dilaksanakan oleh LZNK sebagai 'Challenge' kepada sistem yang ada sekarang.

Saranan Menteri Besar agar siasatan dilakukan kewujudan kartel padi ini dan wajar diperangi habis-habisan.



Mesin memproses padi di Kedah

Harga ayam segar di Johor naik RM12 sekilogram

Peniaga beri alasan kenaikan kos pengangkutan sehingga RM1.80 setiap kg bahan mentah

Oleh Mohamed Farid Moh farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Harga ayam segar di bandar raya ini melonjak ke pada RM12 sekilogram (kg), berikutan peningkatan kos pengangkutan sehingga RM1.80 setiap kg bahan mentah berkenaan.

Tinjauan di pasar basah Pandan dan Kempas di sini, mendapati kebanyakan peniaga ayam segar menjual bahan mentah itu pada harga berkenaan, berbanding hanya RM10.60 hingga RM11 setiap kg, dua minggu lalu.

Bekalan ayam belum pulih di kebanyakan tempat bandar raya ini, apabila ramai pengguna menyangkut terpaksa ke pasar lebih jauh, berikutan ketiadaan bekalan itu di kawasan mereka. Peniaga ayam, Hafzul Mofamad, 40, berkata dia terpaksa menaikkan harga ayam kepada

RM12kg berikutan terbeban dengan kenaikan kos pengangkutan sebanyak 20 sen bagi setiap kg bermula semalam.

Katanya, sebelum ini kos pengangkutan ayam segar bagi setiap kg bermula hanya 50 sen, sebelum mengalami kenaikan sehingga RML.50 dan terbaru dinaikkan kepada RM1.80 berkuat kuasa semalam.

"Harga ayam segar hingga hari ini (semalam) pun sudah RM8.40 setiap kg. Bagaimana peniaga nak bertahan dengan kos sewa lot niaga, bil utiliti dan gaji pekerja, itulah sebabnya harga ayam terpaksa dijual RM12 sekilogram, walaupun harga siling bahan mentah RM8.90 berkuat kuasa sampai 5 Jun ini."

"Isu bekalan yang berkurangan pun belum selesai. Saya buat tempahan sebanyak 450 ekor ayam segar dan hanya dapat 200 ekor hari ini (semalam). Walaupun bermula hari ini (semalam), larangan eksport ayam segar ke luar negara sudah dikuatkuasakan."

"Apabila tanya pada pembekal bila bekalan ayam segar akan pulih, mereka pun tidak dapat beri jawapan, malah hanya memaklumkan bekalan tidak cukup sehingga terpaksa menanti bekalan kepada peniaga," katanya. Pada 23 Mei lalu, kerajaan dilaporkan mengarahkan eksport sebanyak 3.6 juta ayam sebulan

Tinjauan harga sayur sebelum Aidilfitri/semalam

JOHOR (Harga asal/kenaikan per kg)	Kubis bulat RM4.50/RM4.50 Bendi RM15-RM16/RM13	Terung RM10/RM8	Terung RM12.99/RM12.99-RM14.99
Kacang panjang: RM6/RM9.50- RM14	Cili merah RM20/RM14	KEDAH (Harga asal/kenaikan per kg)	SARAWAK (KUCHING) (Harga asal/kenaikan per kg)
Kubis bulat: RM3.50/RM5.50-RM7	Bendi: RM6/RM9.50-RM11	Kacang panjang: RM7/RM10.50	Kacang panjang: RM4/RM6
Cili merah: RM12/RM15	Kacang buncis: RM9/RM16	Kubis bulat: RM7.50/RM8.40	Kubis: RM3.90/RM5-RM6
KELANTAN (Harga asal/kenaikan per kg)	Kacang panjang: RM7.50/RM8.40	Bendi: RM8.40/RM9.10	Bendi: RM4/RM8
Kacang panjang: RM7.50/RM8	Cili merah: RM6/RM10.20	Cili merah: RM18/RM19	Cili merah: RM23/Kekal



Harga ayam segar melonjak kepada RM12 sekilogram berikutan peningkatan kos pengangkutan. (Foto Nur Aisyah Mazlan/BH)

dan pengeluaran ayam kembali stabil sebagai memberi keutamaan kepada rakyat negara ini. Pengguna, Ah Peng, 40, berkata ayam segar semakin sukar dibeli berikutan bekalannya yang sering kehabisan awal.

"Saya sudah pergi ke beberapa

pasar dan pasar raya, namun ayam tiada. Nasib baik di Pasar Pandan masih ada bekalan. Anak saya hanya mahu makan ayam. Jadi, mahu tak mahu kena cari sampai jumpa," katanya.

Peniaga makanan, Suyani Sofian, 36, pula berkata, dia turut menghadapi perkara sama berikutan terpaksa ke beberapa lokasi bagi mencari ayam segar.

"Di kawasan Desa Cemerlang memang tiada langsung bekalan ayam segar, termasuk di pasar raya dan kedai runcit. Jika bekalan ayam segar terus sukar diperoleh, saya tidak boleh buka kedai makan kerana ia bahan utama yang disukai pelanggan," katanya.

Peniaga ayam golek dari Tenggara, Merising, Mohamad Akasyah Iman Masor, 26, turut berdepan masalah sama sehingga terpaksa membeli ayam segar sehingga ke bandar raya ini serta

2/6/2022

KOSMO

LOKAL

10

TERBEHAN KENAIKAN KOS PENGANGKUTAN

Ayam RM12 sekilo

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Harga ayam segar di bandar raya ini melonjak kepada RM12 sekilogram (kg) berikutan peningkatan kos pengangkutan RM1.80 bagi setiap kg bahan mentah berkenaan.

Tinjauan di pasar basah Pandan dan Kempas di sini, mendapati kebanyakan penjual ayam segar menjual bahan mentah itu pada harga berkenaan berbanding hanya RM10.50 hingga RM11 kg, dua minggu lalu.

Tinjauan turut mendapati bekalan ayam belum pulih di kebanyakan lokasi bandar raya ini, apabila ramai penguna mengadu mereka terpaksa ke lokasi pasar yang lebih jauh berikutan ketiadaan bekalan itu di kawasan mereka.

Peniaga ayam, Hafizul Mohamad, 40, berkata, beliau terpaksa menaikkan harga ayam kepada RM12 sekilogram berikutan terbeban dengan kenaikan kos pengangkutan sebanyak 20 sen bagi setiap kg bermula semalam.

Katanya, sebelum ini kos pengangkutan ayam segar bagi setiap kg bermula hanya 50 sen sebelum ia mengalami kenaikan sehingga RM1.50 dan terbaharu dinaikkan kepada RM1.80 berkuat kuasa semalam.

"Harga ayam segar sampai hari ini (semalam) pun



HAFIZUL terpaksa menaikkan harga ayam kepada RM12 sekilogram berikutan terbeban dengan kenaikan kos pengangkutan ketika tinjauan di pasar basah Pandan dan Kempas, Johor Bahru.

- Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

sudah RM9.40 setiap kg, macam manalah peniaga nak bertahan dengan kos sewa lot niaga, bil utiliti dan gaji pekerja lagi.

"Itulah sebabnya harga ayam terpaksa dijual RM12 sekilogram walaupun harga siling bahan mentah RM8.90 berkuat kuasa sampai 5 Jun ini.

"Isu bekalan yang berkesan pun masih belum selesai. Saya buat tempahan sebanyak 450 ayam semalam, walaupun bermula hari ini larangan eksport ayam segar ke luar negara sudah dikuatkuasakan.

"Apabila tanya pada pembekal bila bekalan ayam segar akan pulih, mereka pun

tidak dapat beri jawapan malah hanya memaklumkan bekalan tidak cukup sehingga terpaksa mencatu bekalan kepada peniaga," katanya ketika ditemui.

Pada 23 Mei lalu, kerajaan dilaporkan mengarahkan eksport sebanyak 3.6 juta ayam sebulan dihentikan bermula 1 Jun ini, sebagai sebahagian daripada lima pendekatan bagi mengatasi isu kekurangan bekalan bahan makanan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata, tindakan itu diambil sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil sebagai memberi keutamaan kepada rakyat negara ini.

Dalam pada itu, pengguna, Ah Peng, 40, berkata, ayam segar semakin sukar dibeli berikutan bekalannya yang sering kehabisan awal di pasaran bandar raya ini.

"Saya sudah pergi ke beberapa pasar dan pasar raya namun ayam tiada. Nasib baik di Pasar Pandan masih ada lagi bekalan. Anak saya hanya mahu makan ayam, jadi mahu tak mahu kena cari sampai jumpe," katanya.

Peniaga makanan, Suyani Soffian, 36, pula berkata, beliau turut menghadapi perkara sama berikutan terpaksa mencari ayam segar.

Harga itik salai meningkat ekoran kenaikan kos dedak

KUALA PILAH: Meningkatnya harga makanan haiwan ternakan ketika ini turut menjelaskan jualan produk itik salai yang popular di daerah ini.

Seorang peniagaannya, Masita Pilus, 47, berkata, dia kini menghadapi masalah kekurangan bekalan malah harga itik yang diperolehi daripada penternak juga semakin mahal.

“Kami agak sukar mendapatkan bekalan itik malah stok juga semakin berkurangan. Penternak memaklumkan, terdapat peningkatan harga dedak jadi, mereka terpaksa menjual dengan harga yang tinggi kepada peniaga seperti kami.

“Setelah mendapat harga yang tinggi, sudah tentu kami juga perlu menaikkan harga jualan iaitu sekitar RM40 hingga RM45 bagi seekor itik salai dengan anggaran berat

dua kilogram selepas disalai berbanding di antara RM25 sehingga RM35 seekor sebelum ini,” katanya ditemui *Utusan Malaysia* di gerainya di Jalan Seremban-Kuala Pilah dekat Terachi, di sini semalam.

Masita menambah, ekoran stok bekalan yang terhad, dia juga terpaksa mengehendakan produk jualanannya itu setiap hari.

“Saya mendapatkan stok bekalan itik sebanyak 200 ekor setiap minggu dari beberapa penternak sekitar daerah ini dan Melaka. Bagaimanapun adakalanya jumlah itik yang diperolehi tidak mencukup seperti apa yang ditempah.

“Jadi saya perlu menyimpan stok dan mengehendakan jualan kerana bekalan yang kurang,” katanya yang memberitahu mampu menjual sebanyak 800 ekor itik salai dalam tempoh sebulan.



MASITA Pilus menunjukkan itik salai yang dijual di gerainya di Jalan Seremban-Kuala Pilah dekat Terachi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, kelmarin. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI



AYAM boleh diberi makan dedak sawit sebagai alternatif kepada soya dan jagung. - GAMBAR HIASAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

Dedak sawit boleh bantu kurang harga ayam

SAUDARA PENGARANG,

SEBELUM ini terdapat laporan berita yang memetik kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bahawa kenaikan harga soya dan jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil antara punca utama kepada peningkatan harga ayam di pasaran.

Kenaikan harga makanan ternakan itu menjejaskan harga ayam dalam rantai bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna.

Bagi saya penyelesaian kepada isu kenaikan harga ayam itu terdapat pada sawit yang dikenali sebagai 'buah emas' kerana setiap bahagian pokok mempunyai pelbagai kegunaan.

Malah, salah satu langkah untuk membantu mengurangkan kenaikan harga ayam ialah mengurangkan makanan ayam import. Sebagai alternatif, penyelidikan telah dilakukan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk menggantikan makanan ayam dengan dedak berasaskan sawit.

Kepakaran yang dimiliki oleh MPOB membolehkan dikurangkan kandungan serat dalam dedak dari isirung sawit (PKC) sehingga ke tahap sesuai untuk dijadikan makanan ayam.

Sebelum ini, PKC hanya dijadikan sumber makanan lembu dan kambing kerana kandungan serat terlalu tinggi tidak sesuai dijadikan makanan ayam.

Sebenarnya, sawit digunakan dalam hampir setiap industri, termasuk dalam sektor perubatan dan saya percaya ini adalah antara sebab mengapa negara-negara Barat berasa sangat terancam dengan komoditi berkenaan.

Dalam pada itu, pekebun kecil telah berdepan dengan pelbagai cabaran dan sokongan daripada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah banyak membantu kami.

Sebab itu, kami di sektor perladangan ingin menggesa Datuk Zuraida Kamaruddin terus memberi sumbangan membangunkan sektor ini. Ini kerana jika seorang menteri baharu masuk, beliau perlu bermula dari bawah.

IR. ANDREW SEAH

Ladang Kinta, Batu Gajah, Perak

Krisis makanan, impak kepada rakyat



DRAMIS YUSAL YUSOFF

Ketika mengemas bahan-bahan tulisan saya baru-baru ini, saya terjumpa satu helaian kertas, di dalamnya ada beberapa soalan yang saya sediakan bagi membantu seorang Senator bertanya di Dewan Negara pada 2008.

Soalan itu meminta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang akan dilaksanakan bagi mengatasi krisis makanan di Malaysia.

Masalah krisis makanan bukanlah perkara baharu, cuma hari ini keadaan nampak lebih meruncingkan berbanding 14 tahun lalu. Kerisauan itu berasas. Tidak salah untuk rakyat risau dan bertanyakan soalan tersebut agar mereka dapat menyediakan diri bagi menghadapi apa juga kemungkinan.

Saya tidak pasti apa jawapan bertulis diberikan oleh menteri ketika itu tetapi

soalan tersebut masih relevan ditanya semula kepada menteri yang bertanggungjawab pada hari ini.

Saya berpandangan, rakyat perlu tahu langkah-langkah yang akan diambil pihak Kementerian agar rakyat rasa terjamin bahawa ada usaha yang diambil bagi menentukan keselamatan makanan (*food security*) dalam negara ini terjaga.

Hari ini kita tidak boleh lagi bertindak hanya apabila kita berdepan dengan suatu krisis. Kita perlu sentiasa bersedia siaga dan bersedia. Seperti saya sebutkan, masalah ini bukan masalah baharu. Saya pasti ia telah diberi penelitian sejak soalan itu ditanya pada 2008.

Oleh sebab itu, saya agak khuatir apabila membaca laporan berita bahawa pihak bertanggungjawab baru menubuhkan beberapa jawatankuasa khas mengenai dasar sekuriti makanan dan pertanian negara. Sepatutnya Malaysia sudah ada satu pasukan khas, di dalamnya ada pakar-pakar mengenai cuaca yang dapat membaca dan menjelaskan masalah perubahan iklim telah menjejaskan tanaman.

Pasukan itu juga perlu ada pakar-pakar pertanian dan penternakan yang dapat memberi penyelesaian kepada masalah dihadapi petani dan penternak

kita jika ada. Dasar sekuriti makanan haruslah bersifat menyeluruh dan menunjukkan kefahaman kita tentang penungunya untuk diadakan pada setiap masa satu strategi nasional bagi menjaga kebajikan semua rakyat agar tidak terputus bekalan makanan ruji, tidak kira sama ada akibat risiko perubahan iklim atau cuaca buruk, bencana alam, bencana disebabkan manusia mahupun akibat disabotaj ke atas bekalan tersebut.

Strategi yang perlu ada itu harus kalis daripada ditembusi dengan semua risiko yang saya sebutkan. Kita juga sedar peningkatan harga barang boleh juga berlaku sekiranya ada peningkatan dari segi pertumbuhan penduduk dalam negara atau penggunaan sumber makanan untuk penghasilan biofuel seperti yang berlaku di Amerika Syarikat.

Tetapi penduduk Malaysia tidaklah meningkat dengan drastiknya sejak lima tahun lalu dan kita pula tidak menggunakan sumber makanan bagi menghasilkan biofuel. Jadi apa masalah kita? Adakah kerana terlalu bergantung kepada import makanan menyebabkan kita berada dalam keadaan digantung tidak bertali sekiranya negara-negara yang mengeksport ini memberi keutamaan kepada rakyat

mereka terlebih dahulu berbanding keperluan rakyat kita.

Dan pada waktu ini untuk mana-mana pihak meminta rakyat mula bercucuk-tanam atau membela ayam di dalam rumah mereka mungkin bukanlah satu saranan yang menunjukkan kepekaan pemimpin.

Suatu ketika dahulu, saya difahamkan negara kita sudah ada satu Dasar Jaminan Makanan Nasional. Saya difahamkan ada tujuh program khas yang dirancang di bawah dasar berkenaan. Mungkin elok juga jika pihak kerajaan memberi laporan status terkini tentang kedudukan program-program itu setakat ini kerana saya difahamkan kerajaan memperuntukkan hampir RM2.5 bilion pada masa tersebut untuk menggalakkan pengeluaran makanan.

Persoalannya, kenapa kita masih bertanya soalan sama 14 tahun kemudian sekiranya kerajaan telah membelanjakan sebanyak itu pada 2008? Semoga segala usaha kita akan membuahkan hasil yang dapat menyelamatkan rakyat Malaysia.

** Datuk Dr Anis Yusoff adalah Felo Utama di KITA, UKM. Beliau pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia, dan Timbalan Ketua Pengarah GIAACC, JPM*

Isu sekuriti makanan merisaukan

Dunia telah dikejutkan dengan perubahan yang tercetus di antara Rusia dan Ukraine dan akibatnya, rantaian bekalan perdagangan antarabangsa terjejas dan harga pelbagai komoditi dunia meningkat.

Kedua-dua negara ini merupakan pengeluar utama untuk komoditi seperti gandum, jagung dan minyak bunga matahari. Oleh yang demikian, industri sampingan yang bergantung kepada komoditi berkenaan juga terkesan termasuklah industri bekalan makanan.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada isu global ini. Harga makanan telah meningkat. Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaporkan bahawa inflasi makanan untuk April 2022 meningkat lebih tinggi pada 4.1 peratus, dengan 89.1 peratus item makanan bagi kumpulan makanan dan minuman telah merekodkan kenaikan.

Dari satu sudut, peningkatan harga makanan berlaku kerana harga input pertanian seperti besi, racun dan makanan haiwan ternakan telah meningkat tinggi, hinggan ada yang melebihi 100 peratus peningkatan.

Tambahan lagi, bekalan makanan juga terjejas termasuklah ayam, dan ikan. Media

melaporkan bahawa penderatan ikan terutamanya di utara Semenanjung Malaysia telah berkurangan sebanyak 70 peratus sejak beberapa bulan yang lepas.

Kesan isu global ini dirasai oleh rakyat kerana Malaysia amat bergantung kepada import makanan untuk memenuhi keperluan makanan domestik.

Mengikut Jabatan

Perangkaan Malaysia, pada tahun 2020, jumlah import makanan Malaysia ialah RM55.5 bilion berbanding eksport makanan RM33.8 bilion menyebabkan defisit perdagangan makanan yang besar (RM21.7 bilion atau pun 64 peratus dari eksport makanan).

Lebih membimbangkan ialah peningkatan lebih pantas import berbanding eksport telah menyebabkan defisit perdagangan produk makanan negara meningkat 24.9 peratus berbanding tahun 2019.

Oleh yang demikian, kebergantungan tinggi kepada import makanan ini bermakna Malaysia akan terus terkesan dengan situasi bekalan makanan antara-

bangsa untuk jangka masa panjang. Penyusutan nilai ringgit ketika ini memburukkan lagi situasi.

Adakah rakyat Malaysia mampu hidup selesa dengan kos sara hidup yang terus meningkat? Sudah pasti tidak. Majoriti rakyat Malaysia tidak mampu hidup selesa untuk jangka masa panjang memandangkan skala gaji di Malaysia masih rendah, walaupun kadar gaji minimum telah dinaikkan kepada RM1,500 sebulan bermula 1 Mei.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Anggaran

Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2020 mendapati bahawa 20 peratus daripada kumpulan isi rumah M40 telah beralih kepada kumpulan B40 akibat kehilangan pekerjaan dan potongan gaji. Ini bermakna lebih ramai rakyat Malaysia kini tergolong di dalam kategori miskin!

Untuk memulihkan ekonomi negara akibat pandemik Covid-19 serta menangani isu sekuriti makanan, kerajaan mesti bertindak pantas dengan menyedia-

kan polisi serta pelaksanaan yang mesra pelabur, domestik dan juga luar negara.

Ekonomi negara seharusnya diterajui oleh pelaburan swasta yang dapat menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat dan tidak lagi terlalu bergantung kepada perbelanjaan awam. Kerajaan juga mesti mengurangkan penglibatan langsung di dalam perniagaan.

Persoalan sekarang ialah apakah pelan kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara untuk masa terdekat dan jangka masa panjang? Kebergantungan tinggi terhadap import makanan serta peningkatan import makanan setiap tahun membuktikan bahawa dasar yang lepas dan sedia ada telah gagal.

Sehingga kini, rakyat masih kabur dan keliru dengan dasar semasa dan gusar sama ada kerajaan ini berkelayakan untuk menyelesaikan isu ini.

Kegagalan menangani isu sekuriti makanan boleh menjejaskan ketenteraman awam seperti yang telah berlaku di beberapa negara seperti - Sri Lanka dan Pakistan.



Cadang kerajaan tetapkan harga siling baharu

Oleh SYAHIRAH SALLEH

KUALA LUMPUR: Kekurangan bekalan ayam di pasaran berpunca daripada tindakan kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam sebanyak RM8.90 sekilogram dalam tempoh yang panjang.

Penternak tempatan, Asyraq Husin, 34, menafikan berlaku konspirasi kekurangan bekalan ayam semata-mata untuk mengaut keuntungan lebih.

Katanya, pasaran ternakan ayam di Malaysia adalah pasaran besar dan dakwaan konspirasi 'sorok' ayam tidak logik.

"Satu hari, pasaran ayam Malaysia akan bekalkan sebanyak 2 juta stok ayam kepada rakyat Malaysia, dan penternak ayam ini bukan seorang.

"Tidak logik untuk kurangkan ayam, sebab keuntungan perniagaan ini bergantung kepada jumlah pengeluaran ayam.

"Semakin banyak pengeluaran ayam, semakin banyak keuntungan. Jadi, mustahil penternak sengaja kurangkan ayam, untuk apa?" katanya.

Menurut Asyraq, keuntungan jualan untuk seekor ayam adalah sekitar 20 sen ke 30 sen, namun ramai penternak mengalami kerugian berikutan kenaikan harga dedak.

Katanya, sepanjang kerajaan menetapkan harga sil-



Orang ramai tetap memilih ayam walaupun harganya meningkat.

ing runcit ayam, kenaikan dedak untuk seguni berharga RM11.

"Satu uncang guni 50 kilogram sebelum ini berharga RM114, sekarang satu guni adalah RM125. Seribu ekor ayam memerlukan 70 guni.

"Banyak kerugian yang penternak perlu tanggung, sudah tiada untung. Siapa yang mahu bela ayam kalau rugi?" soalnya.

Menurut Asyraq, dia maklum mengenai inisiatif kerajaan memperkenalkan subsidi 60 sen kepada penternak.

Namun, katanya sehingga kini para penternak ayam tidak menerima subsidi berkenaan, malah permohonannya telah ditolak sebanyak tiga kali.

"Banyak penternak hen-

takan operasi bela ayam, sebab makin banyak ayam makin rugi, berlawanan semasa untung.

"Ayam, jika makin tua akan makan banyak, sudah tentu kita akan keluarkan modal banyak untuk bela ayam, dan ayam ini tidak boleh disimpan," katanya.

Tambah Asyraq, masalah kekurangan tenaga pekerja asing juga menjadi punca bekalan ayam di pasaran berkurangan.

Justeru, Asyraq mencadangkan supaya kerajaan menaikkan harga siling runcit ayam supaya isu bekalan ayam berkurangan di pasaran dapat diselesaikan.

Katanya, melalui tindakan itu, penternak ayam akan kembali memelihara ayam dengan kapasiti lebih

banyak.

Kerajaan juga digesa mencari inisiatif untuk memastikan subsidi ayam sampai kepada penternak supaya kos kenaikan dedak dapat ditampung.

Asyraq turut berharap Kementerian dan agensi bertanggungjawab dapat mengurangkan birokrasi dalam memohon subsidi serta permit kebenaran pekerja asing.

Asyraq merupakan penternak ayam yang mempunyai ladang di Parit Buntar, Perak dan Changlun, Kedah serta berpengalaman dalam industri ini selama sembilan tahun.

Dia merupakan penternak yang membekalkan ayam sebanyak 125,000 ekor dan 45,000 ekor di dua ladang miliknya dan keluarga.

Penyelesaian kepada isu *'Food Security'*

NEGARA mengimport makanan bernilai RM45.3 billion pada tahun 2015 meningkat kepada RM55.4 billion pada tahun 2020 dan RM62.6 billion pada tahun 2021.

Trend meningkat ini sangat mebingungkan terutamanya apabil dunia dilanda krisis bekalan makanan berpunca dari perang Ukraine-Russia serta sekatan Amerika Syarikat ke atas beberapa negara utama pembekal bahan makanan.

Antara bahan makanan utama yang diimport adalah seperti kopi, koko, teh dan rempah; bijirin; sayuran (RM5.1 bilion); bahan makanan ternakan (RM6.2 bilion) serta keluaran dan sediaan makanan lain (RM6.6 bilion). Nilai Self Sufficiency Level (SSL) yang mengukur kecukupan bekalan makanan tersebut melalui pengeluaran dalaman bagi beras adalah di antara 65 peratus -75 peratus, buah-buahan 78.4 peratus, Sayur-sayuran 44.6 peratus dan barangan daging 22.9 peratus.

Dalam masa yang sama, tanah terbiar yang tidak

diusahakan terlalu banyak. Sebagai contoh data tanah terbiar yang sesuai untuk pertanian yang dikongsi oleh Kementerian Pertanian pada tahun 2018 mencatatkan 119,273ha dengan Pahang mencatat negeri terbanyak tanah terbiar dengan keluasan sebanyak 34,293ha.

Oleh yang demikian saya mencadangkan agar semua negeri segera mengenal pasti tanah-tanah ini. Kerajaan negeri boleh memulakan program melibatkan rakyat untuk menjadi peserta program memajukan tanah terbiar.

Kerajaan negeri boleh memberikan modal dan tunjuk ajar bagi membimbing peserta program ini. Saya ucapkan tahniah kepada YB Dr Azman Ibrahim dan Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memulakan usaha memajukan tanah terbiar untuk pertanian serta memperuntukan sebanyak RM1 juta setiap tahun. Sekiranya setiap kerajaan negeri dapat melaksanakan usaha ini dengan serius, sudah tentu import makanan dapat dikurangkan.

Kerajaan negeri seperti Se-

langor dan Wilayah Persekutuan boleh meneroka pertanian bandar (Urban Farming), pertanian akuaponik dan hidroponik yang mampu untuk dilaksanakan dikawasan kecil yang terbiar serta di atas bangunan-bangunan.

Kaedah akuaponik yang merupakan kaedah penanaman tanpa tanah dan menggunakan ikan untuk menghasilkan air penuh nutrien bagi kegunaan tanaman. Saya menyarankan pihak Kementerian Pertanian membekalkan setiap rumah di bandar dengan set hidroponik atau akuaponik, dan saya yakin ia mampu untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan negeri pula boleh menggerakkan setiap bangunan di Wilayah Persekutuan dan Selangor untuk mewujudkan pertanian bandar di kawasan rooftop.

Syarikat milik kerajaan pusat atau negeri seperti Khazanah Nasional dan Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) boleh melihat untuk menyelesaikan kemelut kekura-

ngan makanan berunsurkan daging, seperti daging lembu, ayam dan kambing.

Projek Pusat Fidlot Nasional (NFC) yang gagal suatu masa dahulu merupakan penyelesaian kepada import daging lembu perlu dilihat semula dan dilaksanakan dengan kerjasama Khazanah Nasional. Bagi bekalan ayam tempatan, setiap kerajaan negeri perlu memiliki sistem rantai bekalan ayam seperti pusat penetasan anak ayam, pusat penyembelihan ayam, bekalan jagung tempatan dan kilang makanan temakan.

Tanpa memiliki sistem rantai bekalan ayam ini, ia terbuka kepada sabotaj pihak tertentu yang sanggup mensabotaj bekalan ayam untuk tujuan bersifat keuntungannya peribadi.

Saya yakin dengan kekuatan kewangan setiap syarikat milik kerajaan negeri ini, kita mampu untuk menstabilkan bekalan ayam negara malah mampu menjadi pengimport bekalan ayam ke rantau Asia Tenggara.

Nurul Islam Mohamed Yusoff

27/5/2022